

Bicara **1,283** kes rasuah

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

91.1 peratus daripada 292 kes berakhir dengan sabitan



Sebanyak 1,283 kes perbicaraan rasuah berlangsung di Mahkamah Sesyen di seluruh Malaysia, tahun lalu.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, daripada jumlah itu, 292 kes selesai perbicaraan.

“Daripada jumlah itu, 266 berakhir dengan sabitan atau 91.1 peratus. Ini menunjukkan peratusan sabitan amat membanggakan.

“Di samping itu, 152 kes pelucuthakan harta dikenalal di mahkamah di mana 121 kes permohonan selesai.

“Sebanyak 117 kes atau 96.7 peratus memihak kepada pendakwa raya dan empat kes atau 2.2 peratus tidak memihak kepada pendakwa raya.

“Dari segi pemulihan aset, jumlah aset dilucuthak dan dipulangkan kepada kerajaan Malaysia pada tahun lalu adalah RM5.1 billion di mana RM99.57 peratus adalah dari IMDB”



Dari segi pemulihan aset, jumlah aset dilucuthak dan dipulangkan kepada kerajaan Malaysia pada tahun lalu adalah RM5.1 billion di mana RM99.57 peratus adalah dari IMDB”

Azam Baki



AZAM (dua dari kiri) bersama penerima Anugerah Media SPRM 2021 kategori media elektronik dan media cetak selepas majlis penyampaian anugerah itu, semalam.

‘Keterangan mencukupi untuk dituduh’

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menghantar fail kepada Jabatan Peguam Negara berhubung isu integriti dan salah guna kuasa membabitkan pegawai Majlis Amanah Rakyat (Mara) menerusi anak syarikat agensi itu, Mara Corporation (Mara Corp).

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, fail berkenaan dihantar untuk dikaji dan mencadangkan nama beberapa pihak untuk dituduh.

“Setakat ini saya tidak mahu komen yang mengatakan kes tidak dituduh.

“Pendirian kami, kita siasat dan pada pandangan kami, ada keterangan memadai dan mencukupi untuk mencadangkan beberapa pertuduhan kepada beberapa

pihak,” katanya selepas Majlis Anugerah Media SPRM 2021 di Ibu Pejabat SPRM di sini, semalam.

Kelmarin, portal media tempatan melaporkan Jabatan Peguam Negara yang sepatutnya mendakwa tiga pegawai Mara Corp ‘bakal’ menggugurkan kes terhadap mereka.

Pada 5 Februari lalu, SPRM mengesahkan menerima satu laporan berhubung dakwaan isu integriti melibatkan beberapa pegawai kanan Mara yang disiasat secara dalaman oleh agensi itu.

Suruhanjaya itu pada 7 Februari lalu menyerbu dan merampas beberapa dokumen daripada Mara, Mara Corp dan sebuah syarikat setiausaha korporat.

adalah RM5.1 billion di mana RM99.57 peratus adalah dari Malaysia Development Berhad (IMDB),” katanya pada Majlis Anugerah Media SPRM 2021 di Ibu Pejabat SPRM, di sini, semalam.

Terdahulu, Azam menyampaikan hadiah pemenang Anugerah Media Cetak kepada wartawan Berita Harian, Suzalina Mohamad Halid menerusi laporan Pendedahan Kartel Daging 2.0 manakala bagi Anugerah Media Elektronik kepada wartawan Astro Awani, Izwar Muzzani Abdul Wahid menerusi laporan Rasuah Terapung di Tengah Laut.

Hadir sama Pengarang Kumpulan Harian Metro, Husain Jahit dan Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman.